

17 OCT 1999

Mahathir-F1

MAHATHIR RASMI GRAND PRIX F1 PETRONAS MALAYSIA

SEPANG, 17 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan pembukaan Grand Prix Petronas Malaysia dalam satu upacara warna warni, penuh makna dan simbolik di Litar F1 Sepang, di sini.

Mahathir, yang minat peribadinya menjadi pendorong kepada kemasukan Malaysia dalam kumpulan elit negara-negara Grand Prix, telah menarik gear kereta sebagai tanda perasmian upacara itu dan kemudian melekatkan model kereta F1 kepada sebuah trak besar dengan disaksikan oleh 70,000 penonton.

Malaysia ialah negara Asia kedua menjadi tuan rumah, selepas Jepun, sebagai tuan rumah kejohanan dunia ini yang membabitkan 16 peringkat. Kejohanan yang diadakan ini adalah yang ke-15 musim ini.

Perdana Menteri, yang diiringi Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan pengerusi Sepang International Circuit (SIC) Tan Sri Basir Ismail, kemudian duduk di tempat pemandu kereta penyelamat Mercedes Benz SE 320 untuk melakukan dua pusingan di litar sepanjang 5.542km itu.

Beliau diikuti di belakang oleh sebuah kereta Mercedes Benz Silver Arrows yang dipandu oleh dua generasi pemandu GP -- Stirling Moss yang memandu sekitar tahun 50an dan bakal jaguh muda Jerman Nick Heidfeld, juara Formula 3000 yang akan menyertai Prost tahun depan.

Mahathir kemudian melawat kawasan 'pit' untuk menyaksikan sendiri teknologi, mesin dan orang yang bertanggungjawab dalam perlumbaan Formula One. Beliau diberi penerangan oleh beberapa pemimpin pasukan, termasuk pengurus besar Ferrari, Jean Todt dan pengarah pasukan Sauber Petronas, Peter Sauber. Beliau juga sempat berbual-bual dengan dua pemandu Sauber Jean Alesi dan Pedro Diniz.

Upacara pembukaan rasmi itu juga dihadiri oleh Yang Di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah, Sultan Hassanal Bolkiah Brunei Darussalam, Sultan Johor, Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Ja'afar, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menteri-menteri, ketua-ketua menteri, Menteri Besar dan tokoh-tokoh korporat.

Turut menyerikan upacara pembukaan ini ialah perarakan kereta-kereta antik hingga ke pertunjukan udara jet pejuang FA-18 Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Juga diadakan ialah perarakan pasukan motosports Petronas diikuti pertunjukan motosikal akrobatik tentera, pasukan payung terjun, lintas hormat oleh jet TUDM.

- BERNAMA

HRS zb